

**NO. SOALAN:25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9305**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha untuk meningkatkan kawalan sempadan. Isu pencerobohan Lahad Datu, sindiket pemerdagangan manusia etnik Rohingya di Perlis dan terbaru kemasukan pendatang asing melalui Batu Batu di Tawau menunjukkan betapa mudahnya sempadan kita dibolosi.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan keluasan Perairan Wilayahnya (MTW) seluas 142,393.4 km persegi dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) seluas 450,233 km persegi menjadi tumpuan dunia terutama dalam urusan perdagangan serta menjadi laluan utama antara Timur dan Barat. Kedudukan geografi Malaysia yang berjiran dengan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia menjadikan negara mempunyai sempadan darat yang luas dan panjang.**

**Negara kita tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Aktiviti jenayah rentas sempadan ini berupaya memesongkan sumber kerajaan apabila dieksplotasi oleh penjenayah untuk mengaut keuntungan daripada hasil negara dan boleh mengancam keselamatan negara apabila barang yang merbahaya juga diseludup ke dalam negara.**

**Bagi menentukan keselamatan sempadan negara termasuk di kawasan pendalaman sentiasa berada dalam keadaan terkawal dari sebarang pencerobohan anasir luar dan aktiviti jenayah rentas sempadan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-**

- i) Mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bertukar dan berkongsi maklumat risikan dengan menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (ASEANAPOL Data System) perkara berkaitan keselamatan sempadan dan perairan negara.
- ii) Di samping itu, PDRM telah menubuhkan unit risikan sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan barang terlarang dan ancaman yang lain. Unit perintis telah di tubuhkan di Negeri Kedah dan akan di perluaskan ke seluruh negara jika menunjukkan kesan yang positif.
- iii) Kerajaan telah menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi meningkatkan kawalan di sempadan dengan mengabungkan agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Kastam, Imigresen, AADK, dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di bawah satu pasukan petugas bagi mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu. AKSEM akan di perluaskan ke Sabah dan Sarawak untuk masa hadapan nya.
- iv) Kementerian juga meneliti cadangan menaiktaraf pagar keselamatan yang sedia ada dan pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan Antarabangsa negara. Cadangan ini ekoran daripada beberapa insiden yang telah berlaku di sempadan negara bagi menentukan insiden sedemikian tidak berulang kembali di masa hadapan.

**Dengan adanya langkah yang diambil di dalam negeri dan juga kerjasama yang dijalin dengan Negara luar, segala maklumat tersebut dapat dikongsi secara holistik dan bersepadau di dalam negara dan juga di peringkat antabangsa seperti INTERPOL, ASEANAPOL, Regional Movement Alert System (RMAS) dan lain-lain badan perisikan dunia yang lain.**